
BAB EMPAT

PEMIKIRAN EKONOMI DAN KEWANGAN ISLAM OLEH ABŪ YŪSUF

4.1 Pengenalan

Bab ini merupakan topik utama dalam perbincangan ini yang akan mengemukakan idea-idea ekonomi dan kewangan Islam yang diutarakan oleh Abū Yūsuf dalam kitabnya. Ianya akan menjelaskan tentang idea-idea ekonomi oleh Abū Yūsuf. Melihat kepada topik-topik yang terdapat dalam *Kitāb al-Kharāj* ianya merangkumi pelbagai aspek dalam ekonomi Islam iaitu hukum jualbeli, hukum jenayah dan undang-undang yang berkaitan dengan percukaian Islam seperti cukai tanah dan sebagainya. Maka idea-idea yang akan dibincangkan di sini adalah dikhususkan kepada perundangan dan percukaian Islam.

Beliau lebih cenderung menyarankan pemerintah atau negara mengambil nisbah tertentu daripada hasil pertanian daripada mengenakan cukai yang tetap ke atas hasil pertanian. Selain itu, beberapa peraturan percukaian telah digariskan yang antaranya ialah keupayaan membayar, kemudahan bagi pembayar untuk membayar cukai yang berkait dengan masa, tempat dan cara pembayaran serta pemusatan dalam membuat keputusan berkenaan dengan pentadbiran cukai.¹

Walaupun sumbangan beliau yang utama ialah dalam isu-isu kewangan awam, beliau juga ada menyentuh dalam bukunya mengenai kawalan harga,

kebebasan pasaran, barangan awam dan perbelanjaan awam. Namun, isu yang akan disentuh hanyalah mengenai sumber-sumber pendapatan negara dan lebih menekankan kepada percukaian tanah dalam Islam.

4.2 Idea-Idea Ekonomi Islam Abu Yusuf

Secara umumnya, idea idea beliau mengenai percukaian Islam ialah penentuan cukai tanah, sumber-sumber pendapatan negara, pengurangan, penambahan dan penghapusan cukai.

4.2.1 Penentuan Cukai Tanah

Pada asasnya penentuan cukai tanah di bawah pemerintahan orang Islam dibahagi berdasarkan kepada Tanah Arab dan tanah-tanah lain. Pembahagian tanah ini diutarakan oleh Abu Yusuf sebagaimana yang terdapat dalam Lampiran 4. Semua tanah yang terletak di Semenanjung Tanah Arab iaitu Hijaz, Mekah, Madinah, dan lain-lain dikehendaki untuk membayar *ushr* seperti mana yang telah dilakukan oleh nabi Muhammad s.a.w. Oleh itu, pemerintah selepas Rasulullah s.a.w tidak boleh mengubah undang tersebut.²

Manakala dalam kategori tanah-tanah lain daripada yang disebutkan di atas, ianya merujuk kepada pembahagian tanah yang berlaku pada zaman tersebut terutamanya pada zaman khalifah Umar al-Khattab r.a. Umumnya tanah dalam negara Islam terbahagi kepada *Tanah Kharāj* dan *Tanah Ushr*. Pembahagian ini

¹ Muhammad Nejatullah Siddiqi (1982), *Recent Works on History of Economics Thought in Islam: a Survey*, Jeddah : International Centre for Research in Islamic Economics, m.s. 12.

² Abu Yusuf Ya'qub b. Ibrahim (1352), *Kitāb al-Kharāj*, Cet. 2, al-Matba'ah al-Salafiyah, m.s. 58, 60, 66.

sebenarnya merujuk kepada jenis cukai yang dikenakan ke atas tanah-tanah tersebut, iaitu cukai *kharāj* dan *ushr*. Pada amnya, perbezaan antara kedua-dua kategori adalah berdasarkan kepada agama pemilik atau kedudukan kawasan tanah tersebut. M.A Mannan berpendapat bahawa tanah *ushr* ialah tanah yang dimiliki oleh orang-orang Islam dikenakan zakat dan tanah *kharāj* yang dimiliki oleh orang kafir dikenakan cukai *kharāj*.³

a) Tanah *kharāj*

Al-kharāj merupakan kadar tertentu dari hasil pendapatan tanah tersebut atau dari harta mereka dan ianya merupakan tanah yang didapati melalui peperangan atau secara paksa.⁴ Di dalam hadith dan juga sejarah Islam, perkataan *kharāj* telah digunakan untuk merujuk kepada *jizyah* dan sebaliknya.⁵ Walau bagaimanapun, para ulama' terkemudian telah menggunakan perkataan ini untuk merujuk kepada sejenis cukai yang dikenakan ke atas pemilikan tanah.⁶

Abu Yūsuf menjelaskan bahawa tanah *kharāj* ialah tanah *Ajam* atau selain tanah Arab yang dibuka atau diperolehi secara paksa dan pemerintah meninggalkannya kepada penduduk asal dan tidak membahagikannya. Begitu juga sekiranya penduduk tersebut menerima orang-orang Islam dan mereka dikenakan *kharāj* dan ianya menjadi *kharāj dhimmah*.⁷ Tetapi sekiranya tanah tersebut dibahagikan di kalangan tentera-tentera yang berperang, maka ianya dikira

³ Muhammad Abd al-Mannan (t.t), *Islamic Economies: Theory and Practice*, Cambridge : The Islamic Academy, ms. 244.

⁴ Abu Yūsuf Ya'qūb b. Ibrāhīm (1352), *op. cit.*, m.s. 59.

⁵ S. M Hasanuzzaman (1981), *Economic Function of the Early Islamic State*, Karachi, m. s. 167-168.

⁶ Abu Yūsuf Ya'qūb b. Ibrāhīm (1352), *op. cit.*, m. s. 23.

⁷ Al-Baladhuri (1983), *Futuh al-Buldān*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, m. s. 433.

sebagai tanah *‘ushr*.⁸ Dari segi sejarah, tanah-tanah yang dianggap sebagai tanah *kharāj* ialah *Sawād* di Iraq yang telah diperolehi semasa zaman khalifah ‘Umar al-Khattab r.a.

Cukai tanah yang dikenakan *kharaj* dipungut berdasarkan kepada jenis tanah, kesuburan dan jenis tanaman. Terdapat 2 cara pemungutan cukai ini dilakukan iaitu *kharāj muqāsamah* dan *kharāj wazīfah*. *Kharāj muqāsamah* ialah cukai yang dikenakan berdasarkan satu kadar daripada hasil yang diperolehi melalui pengusahaan terhadap tanah itu. Kadar-kadar itu boleh ditentukan oleh pihak berkuasa samada 1/2, 1/3, 1/4 atau 1/5. *Kharāj* jenis ini dipungut pada setiap kali tanaman itu mendapat hasil. Kadar cukai ini adalah seperti yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. ke atas orang-orang Yahudi di Khaibar.⁹

Manakala *kharāj wazīfah* pula ialah cukai yang dikenakan berdasarkan kepada keluasan tanah, ataupun kadang-kadang berdasarkan kepada tanaman yang terdapat di atas tanah tersebut. *Kharāj* ini dikenakan mengikut kadar yang tetap atas satu bidang tanah yang tertentu. Kadar ini adalah berdasarkan kepada amalan khalifah ‘Umar al-Khattab r.a. ke atas tanah *Sawād* di Iraq dengan syarat tanah-tanah tersebut sesuai untuk pertanian dan sebagainya. Ianya wajib dibayar sekali sahaja setahun, walaupun aktiviti pertanian boleh dijalankan beberapa kali dalam setahun dan dikenakan terhadap tanah yang dimiliki oleh dhimmi.¹⁰

⁸ Abū Yūsuf Ya‘qūb b. Ibrāhīm (1352), *op. cit.*, m.s. 23., m.s. 69. Lihat juga : Muhammad Diyā’ al-Dīn al-Rayyīs (1969), *al-Kharāj wa al-Nizām al-Māliyyah li al-Daulah al-Islāmiyyah*, Cet. 3, Mesir : Dar al-Ma‘ārif, m.s. 140.

⁹ Hasan Ibrahim Hasan (1967), *Islam: a Religious, Political, Social and Economic Studies*, Baghdad, m.s. 446.

¹⁰ *Ibid.*

b) Tanah *‘ushr*

Tanah *‘ushr* pula ialah tanah Arab dan lain-lain tanah yang penduduknya menerima Islam. Satu contoh yang paling jelas ialah Madinah yang mana penduduknya menerima Islam tanpa kekerasan dan mereka telah menerima Rasulullah s. a. w. dan ajaran yang dibawanya dengan baik. Begitu juga tanah Arab yang terdiri daripada orang musyrikin Arab, maka tanah mereka ialah tanah *‘ushr*.¹¹ Menurut al-Rayyis, apabila pemerintah membahagikan tanah tersebut iaitu bukan Tanah Arab di kalangan tentera dan ianya dibuka secara paksa atau tanah jajahan, maka ianya dikira sebagai tanah *‘ushr*.¹²

Jika tanah tersebut di luar Semenanjung Tanah Arab seperti tanah di Iraq tetapi bukan tanah yang dikenakan cukai, pemilik asalnya juga dikehendaki membayar *‘ushr*. Tetapi jika tanah tersebut merupakan tanah yang dikenakan cukai, ianya bergantung kepada situasi berikut.¹³

- a. Jika pemilik yang baru membuat pengairan bagi tanah tersebut dengan membina terusan atau mendapat air dari sungai Kharaj atau melalui terusan yang dimiliki oleh bukan Arab mereka dikehendaki membayar *kharāj*;
- b. Jika pemilik tanah yang baru mengairi tanah *kharāj* dengan membina tempat mata air, maka *‘ushr* dikenakan, dan

¹¹ Abu Yūsuf Ya‘qūb b. Ibrāhīm (1352), *op. cit.*, m.s. 69.

¹² Muḥammad Diyā’ al-Dīn al-Rayyīs (1969), *op. cit.*, m.s. 140.

¹³ Abu Yūsuf Ya‘qūb b. Ibrāhīm (1352), *op. cit.*, m.s. 57-58.

- c. Bergantung kepada khalifah untuk menentukan cukai-cukai tersebut. Ketiga-tiga pembahagian ini diringkaskan dalam Lampiran 5.

Kadar *‘ushr* yang dikenakan adalah bergantung kepada hasil yang diperolehi samada mencapai 5 *wasq* atau tidak. Sekiranya tanah pertanian tersebut menghasilkan sebanyak 5 *wasq* atau lebih, maka wajiblah dibayar 1/10 daripada hasil itu jika ia diusahakan di atas tanah yang disaliri secara semulajadi atau disirami air hujan. Tetapi jika ianya diusahakan di atas tanah yang disaliri dengan alat-alat seperti baldi atau kincir yang dioperasi oleh haiwan, maka kadar yang dikenakan ialah 1/20. Sebaliknya sekiranya hasil yang diperolehi kurang dari 5 *wasq*, pengusahanya tidak wajib membayar apa-apa.¹⁴

Dalam menyimpulkan perkara ini, al-Mawardi telah membahagikan tanah kepada 4 kategori iaitu:¹⁵

- a. Semua tanah terbiar menjadi tanah *‘ushr* secara mutlak dan sekiranya diusahakan oleh orang Islam maka *kharāj* tidak boleh dikenakan ke atas tanah tersebut. Sebaliknya, jika tanah tersebut diusahakan oleh seorang *dhimmī*, ianya menjadi tanah *kharāj* dan dikenakan cukai *kharāj*. Abu Yusuf membincangkan hal ini dalam fasal yang berasingan mengenai menghidupkan tanah mati samada dengan jalan perdamaian atau paksa. Perkara ini dijelaskan dalam kes penerokaan tanah dan menghidupkan tanah yang mati. Dalam hal ini Abu Yusuf membezakan antara Tanah

¹⁴ *Ibid.*, m. s. 52.

Arab dengan yang selainnya dan antara tanah di Tanah Arab yang penduduknya menerima Islam dan mereka tidak dikenakan *jizyah*. Oleh itu, tanah mereka dianggap sebagai tanah *ushr*.¹⁶

- b. Tanah yang pemiliknya memeluk Islam dan hak milik tanah kekal kepadanya dan ianya dianggap sebagai tanah *ushr*. Ini adalah berdasarkan pendapat Mazhab Syafi'ī. Sedangkan Abū Hanīfah berpendapat bahawa pemilik boleh memilih samada menjadikannya tanah *kharāj* atau tanah *ushr*. Sekiranya ianya dijadikan tanah *kharāj*, ia tidak boleh lagi dijadikan tanah *ushr*. Sebaliknya jika ia dijadikan tanah *ushr*, tanah tersebut boleh ditukar menjadi tanah *kharāj* kemudiannya. Dalam hal ini, Abū Yūsuf melihat tanah yang berada di Semenanjung Tanah Arab seperti Hijaz, Mekah dan Madinah merupakan tanah *ushr* dan tidak boleh ditukar menjadi tanah *kharāj*.¹⁷
- c. Tanah yang diambil daripada orang bukan Islam melalui peperangan dan kekerasan. Mengikut mazhab Shafie'ī kedudukan tanah ini ialah sebagai harta rampasan perang (*ghanimah*) yang mesti dibahagikan di kalangan tentera Islam. Tanah ini termasuk dalam kategori *ushr* dan tidak boleh dikenakan *kharāj*. Imām Malik berpendapat bahawa tanah tersebut menjadi tanah waqaf bagi faedah orang-orang Islam dan ianya dikenakan *kharāj*. Abū Hanīfah pula berpendapat bahawa pihak berkuasa mempunyai

¹⁵ Al-Mawardi (1973), *al-Aḥkām al-Sultāniyyah wa al-Wilāyāt al-Diniyyah*, Cet. 3, Mesir, m.s. 148.

¹⁶ Abū Yūsuf Ya'qūb b. Ibrahim (1352), *op. cit.*, m.s. 66

¹⁷ *Ibid.*, m.s. 58.

hak menentukan samada tanah tersebut adalah tanah *kharāj* atau tanah *‘ushr*. Abū Yūsuf berpendapat dengan gurunya, Abū Ḥanīfah dalam hal ini di mana sekiranya tanah tersebut dibahagikan di kalangan tentera, maka ianya adalah tanah *‘ushr* tetapi sekiranya berlaku sebaliknya sebagaimana yang dilakukan oleh ‘Umar al-Khattab bagi tanah *Sawād*, maka ianya dikira sebagai tanah *kharāj*.¹⁸ Isu ini juga dijelaskan secara khusus dalam perkara mengenai tanah jajahan.

- d. Tanah yang dimiliki oleh orang-orang bukan Islam yang mengikat perjanjian damai (*sulh*) dengan kerajaan Islam. Tanah dalam kategori ini dikenakan *kharāj* sekiranya tanah tersebut berada di bawah milik mereka sahaja. Sekiranya dijual kepada *dhimmi* tanah tersebut akan terus kekal menjadi tanah *kharāj*. Sebaliknya jika dijual kepada orang Islam bayaran *kharāj* digugurkan. Bagi penduduk yang akhirnya memeluk Islam, mereka dikehendaki membayar *‘ushr*.¹⁹ Tanah yang banyak didapati ialah tanah-tanah yang didapati melalui peperangan seperti tanah *Sawād*, Syam, Parsi, Mesir dan sebagainya.²⁰

4.2.2 Penerokaan Tanah dan Menghidupkan Tanah Mati

Abū Yūsuf menekankan tentang pemulihan tanah dan menentang pembaziran tanah. Perkara ini juga ditekankan oleh tokoh-tokoh lain seperti Yahyā Ibn Ādam dan Ibn Qudāmah. Beliau berpendapat sesiapa yang menghidupkan tanah yang mati iaitu gersang, maka dia akan memiliki tanah tersebut dengan syarat tanah

¹⁸ *Ibid.*, m.s. 63, 66.

¹⁹ *Ibid.*

tersebut mestilah diusahakan. Sekiranya tanah itu tidak diusahakan lebih daripada 3 tahun, maka dia akan kehilangan hak pemilik. Ini berdasarkan pengamalan yang dilakukan oleh ‘Umar al-Khattab r. a sebagaimana kata-kata beliau.²¹

“Sesiapa yang menghidupkan tanah mati maka itu baginya, dan tidaklah bagi muhtajir hak selepas tiga tahun”

Walau bagaimanapun, Abū Yūsuf memberikan beberapa syarat dalam menghidupkan tanah yang mati atau meneroka tanah tersebut :

- a. Abū Yūsuf dan kebanyakan ulama mazhab Hanafi mensyaratkan tanah yang hendak diterokai itu mestilah jauh daripada bandar dan kawasan pembangunan²²
- b. Abū Yūsuf berpendapat kebenaran pihak pemerintah adalah tidak diperlukan. Pendapat ini bertentangan dengan pendapat gurunya, Abū Hanīfah.²³ Ini kerana beliau berpegang kepada hadith yang mana padanya memadai dengan keizinan daripada Rasulullah s. a. w. :²⁴

“Sesiapa yang menghidupkan tanah mati maka itu baginya”

Manakala tanah mati ini sekiranya terletak dalam tanah ‘*ushr*, maka ianya akan dikenakan ‘*ushr* dan begitu juga sekiranya terletak di tanah *kharāj*.²⁵ Begitu juga dengan tanah mati yang terletak di Hijaz dan Semenanjung Tanah Arab yang

²⁰ Diya’ al-Dīn al-Rayyīs (1969), *op. cit.*, m. s. 127.

²¹ Abū Yūsuf Ya‘qūb b. Ibrahim (1352), *op. cit.*, m. s. 63.

²² *Ibid.*, m. s. 63.

²³ *Ibid.*, m. s. 64.

²⁴ Al-Tarmidhi, Abū ‘Isā Muhammad b. ‘Isa b. Surah (t. t), *Sunan al-Tirmidhi*, Abwab al-Aḥkam, Bāb ma Dhakara fi lḥya’ Arḍ al-Mawāt, no. hadith 1394; Lihat juga Abū Dāud, Sulaymān b. al-Ash‘ath al-Sijistāni al-Azdi (t. t), *Sunan Abi Dāud*, Kitāb al-Kharāj wa al-Imarah wa al-Fay’, Bāb fi lḥya’ al-Mawāt, no. hadith 3074.

²⁵ Abū Yūsuf Ya‘qūb b. Ibrahim (1352), *op. cit.*, m. s. 65.

dimiliki oleh seorang muslim, maka dikenakan *‘ushr*. Tetapi sekiranya ianya diusahakan oleh orang bukan Islam di kedua-dua kawasan tersebut, maka ianya adalah tanah *kharāj*.²⁶

4.2.3 Tanah Jajahan

Menurut Abu Yūsuf 1/5 daripada tanah jajahan disimpan oleh kerajaan dan 4/5 akan diagihkan kepada orang-orang yang menjajah ataupun disimpan sebagai perbendaharaan muslim. Khalifah mempunyai kuasa untuk menentukan perkara tersebut. Manakala sekiranya tanah tersebut merupakan tanah mati, maka pemerintah boleh membahagikannya di kalangan tentera dan 1/5 merupakan tanah *‘ushr*. Tetapi sekiranya tanah tersebut tidak dibahagikan dan dibiarkan kepada pemilik asal, maka ianya menjadi tanah *kharāj*.²⁷

4.2.4 Pengurangan, Penambahan dan Penghapusan Cukai

Dalam kes ini, beliau melihat kepada peristiwa dan pendapat yang dikemukakan oleh ‘Umar al-Khattab r.a. Pada ketika itu ‘Umar berpendapat bahawa tanah mempunyai fungsi dan peranan yang ditugaskan iaitu membayar cukai daripada hasil tanaman seperti tamar, anggur dan hasil buah-buahan lain. Cukai merupakan satu kebiasaan dan ketetapan tuan tanah. Oleh itu, tidak harus bagi mereka untuk menambah atau mengurangkan sesuatu daripadanya.²⁸

Namun begitu, keadaan golongan petani atau hasil daripada tanah juga diambil kira oleh Saidina ‘Umar al-Khattab r.a. Jika hasil yang diperolehi adalah

²⁶ *Ibid.*, m.s. 66

²⁷ *Ibid.*

banyak, maka cukai akan dikenakan sebaliknya jika hasilnya kurang atau sedikit, maka cukai tidak dikenakan. Kadar penambahan dan pengurangan cukai ini dibuat berdasarkan kepada kemampuan tuan tanah. Contohnya, sukatan yang dikenakan ke atas hasil tamar ialah 8 dirham. Namun kadar ini telah dibatalkan oleh Saidina ʿUmar r.a kerana ia menyusahkan para petani. Beliau telah meletakkan dua kaedah pembayaran cukai iaitu;²⁹

- a. Tanaman yang disaliri oleh air sungai, maka pembayaran hasil cukai ialah 2/3 bahagian kepada orang muslim dan 1/3 kepada tuan tanah.
- b. Jika tanaman itu disaliri oleh kincir air. Maka pembahagiannya ialah 2/3 kepada tuan tanah dan 1/3 kepada orang muslim.

Dalam hal ini, ʿUmar r. a. juga melihat kepada keluasan tanah tersebut. Beliau meletakkan bagi setiap 'jarīb' yang diusahakan dan mendapat air, dikenakan satu 'qafīz' daripada gandum atau bijirin. Manakala bagi satu kawasan atau 'jarīb' kurma dikenakan 10 dirham, bijan dikenakan 5 dirham, sayuran pula sebanyak 3 dirham dan kapas dikenakan 5 dirham.³⁰ Penggunaan kadar dan ukuran ini boleh dilihat dalam Lampiran 6.

Mengenai cara pengutipan cukai dilakukan, Saidina ʿUmar r.a menyarankan bahawa pengambilan terhadap hasil tanaman hendaklah dilakukan secara lemah-lembut dan mempunyai perasaan belas kasihan. Pengambilan hasil juga tidak boleh lebih daripada 7 timbangan. Abū Yūsuf juga bersependapat

²⁸ Abū Yūsuf Yaʿqūb b. Ibrāhīm (1352), *op. cit.*, m.s. 84.

²⁹ *Ibid.*, m.s 85.

dengan Saidina ^oUmar r.a bahawa seseorang yang berkemampuan hendaklah berusaha memakmurkan tanah tersebut dan janganlah mengenakan cukai ke atas tanah yang belum mendatangkan hasil.³¹

Abu Yusuf menjelaskan bahawa seseorang tuan tanah itu tidak boleh dengan sewenang-wenangnya memberi ganjaran atau hadiah kepada sesiapa sahaja kecuali kepada orang yang telah diberikan kuasa oleh pemimpin. Pemberian cukai harus dilakukan oleh mereka yang berhak sahaja. Adalah menjadi kewajipan kepada tuan tanah menunaikan kesemua cukai yang diwajibkan ke atasnya kerana cukai ke atas hasil tanah atau tanaman merupakan sedekah atau *al-sadaqat* kepada tanah tersebut dan sebagai *al-fay'* kepada orang Islam.³²

Tuan tanah juga tidak dibenarkan memberi hadiah atau sebagainya sehinggalah dia menjelaskan bayaran cukai yang diwajibkan ke atasnya. Ini kerana cukai tersebut iaitu *al-kharaj* adalah untuk masyarakat Islam seluruhnya. Mereka juga tidak boleh menukar tanah yang dicukai menjadi tanah *'ushr* dan begitu juga sebaliknya. Ini bermaksud apabila seseorang yang mempunyai tanah kharaj dan kemudiannya membeli tanah di sebelahnya yang merupakan tanah *'ushr* dan digabungkan dengan tanah asalnya, lalu menjadikan tanah tersebut tanah *kharaj*.³³

³⁰ *Ibid.*, m.s 38

³¹ *Ibid.*, m.s 85-86.

³² *Ibid.*, m.s 86.

³³ *Ibid.*

4.3 Lain-lain Sumber-Sumber Pendapatan Negara

Sumber pendapatan negara yang lain adalah dalam bentuk pengenaan cukai ke atas orang perseorangan ataupun ke atas perniagaan dan syarikat. Cukai ini secara umumnya tidak mempunyai banyak perbezaan dengan bentuk cukai yang diamalkan pada masa sekarang. Ini termasuklah cukai import, cukai jualan, cukai perkhidmatan dan duti eksais.³⁴ Berbalik kepada pendapatan sebuah negara Islam, terdapat dua lagi jenis cukai yang dikenakan kepada rakyat iaitu:

4.3.1 *al-Jizyah*

Jizyah atau cukai kepala ini ditentukan selaras dengan firman Allah yang bermaksud:

“Perangilah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan tidak beriman kepada hari akhirat, dan mereka pula tidak mengharamkan apa yang telah diharamkan oleh Allah dan RasulNya, dan tidak beragama dengan ugama yang benar, iaitu dari orang-orang yang diberikan Kitab (kaum Yahudi dan Nasrani), sehingga mereka membayar ‘jizyah’ dengan keadaan taat dan merendah diri”.

(Terjemahan Surah al-Taubah (9): 29)

Jizyah dikenakan ke atas orang kafir yang tinggal di bawah naungan kerajaan Islam. Ianya dikenakan bagi tujuan jaminan keselamatan diri dalam

³⁴ MIDA, “Malaysian Investment in the Manufacturing Sector: Policies, Incentives and Facilities”. <http://www.mida.gov.my/policy/chapter4.html>, 11 Ogos 2001

negara Islam dan dikecualikan dari menyertai angkatan tentera.³⁵ Ini bermakna nyawa dan harta mereka terjamin keselamatannya dengan pengenaan *jizyah* ini.³⁶ Secara umumnya pengenaan *jizyah* menggunakan istilah '*qist*' iaitu bagi setiap penduduk dikenakan satu dinar atau '*qisṭīn*', dua bahagian perhiasan. Tetapi Abū Yusuf menegaskan bahawa perkara ini tidak sampai kepadanya secara sabit samada melalui riwayat atau *isnād*.³⁷ Tegasnya, kadar *jizyah* dikenakan berdasarkan kepada kemampuan untuk membayarnya iaitu 3 golongan berikut:³⁸

- a. orang kaya dan kadar yang dikenakan ke atas mereka ialah 48 dirham;
- b. Golongan sederhana dan kadar yang dikenakan ke atas mereka ialah 24 dirham; dan
- c. Golongan fakir miskin tetapi mereka disyaratkan orang yang boleh bekerja dan mempunyai pekerjaan tertentu yang mana mereka dikenakan sebanyak 12 dirham. Orang yang sakit dan sudah tua dari golongan ini tidak dikenakan apa-apa.

Pengenaan *jizyah* ke atas ahli *dhimmah* bukanlah untuk menghina mereka yang mana umat Islam diwajibkan zakat ke atas mereka dan sememangnya demi keadilan, orang-orang bukan Islam juga dikenakan sejenis bayaran yang tidak melibatkan ibadat orang Islam iaitu *jizyah*. Tambahan pula, pengenaan *jizyah* ini adalah harus ke atas lelaki yang berakal, baligh, dan merdeka serta mampu bekerja sahaja, sedangkan ianya tidak dikenakan ke atas kanak-kanak perempuan

³⁵ Muhammad Abd. al-Mannan, *op. cit.*, m.s. 243.

³⁶ Abū Yūsuf Ya'qūb b. Ibrāhīm (1352), *op. cit.*, m.s. 123.

³⁷ *Ibid.*, m.s. 41.

³⁸ *Ibid.*, m.s. 122.

dan orang yang uzur.³⁹ Abū Yūsuf berpendapat orang miskin yang menerima sedekah tidak perlu membayar *jizyah* dan begitu juga dengan orang-orang cacat.⁴⁰

Berbalik kepada cukai *al-kharāj*, terdapat beberapa perbezaan yang nyata antara *jizyah* dan *kharāj*. *Jizyah* berbentuk cukai yang dikenakan ke atas kepala, sedangkan *al-kharāj* adalah cukai ke atas tanah. *Jizyah* juga akan gugur selepas seseorang itu memeluk agama Islam, tetapi *kharāj* adalah sebaliknya. Selain itu, *jizyah* ini ditentukan oleh al-Quran dan *kharāj* pula ditentukan hukumnya berdasarkan ijtihad.⁴¹

Dalam memperkatakan mengenai tingkah-laku dalam mengutip cukai, Abū Yūsuf melarang para pengutip cukai menyiksa rakyat sehingga mereka sanggup membayar *jizyah*. Ini berdasarkan kepada peristiwa yang berlaku pada zaman Saidina ʿUmar r.a. yang mana pada masa tersebut para pengutip cukai menyiksa orang ramai yang tidak mahu membayar *jizyah* sehingga mereka membayarnya. Dalam hal ini, Saidina ʿUmar r.a. berpandukan kepada sabda Rasul Allah s.a.w yang bermaksud:⁴²

“Sesungguhnya Allah akan menyiksa orang yang menyiksa manusia di dunia”

³⁹ Ahmad ʿAbd al-Ḥādī Ṭalkhān (1992), *Maliyyah al-Daulah al-Islāmiyyah al-Muʿāṣirah*, cet. 1, Qaherah : Maktabah Wahbah, m.s. 64.

⁴⁰ Abū Yūsuf Yaʿqūb b. Ibrāhīm (1352), *op. cit.*, m.s. 122.

⁴¹ Ḍiyāʾ al-Dīn al-Rayyīs (1969), *op. cit.*, m.s. 135.

⁴² Abū Dāūd, Sulaymān b. al-Ashʿath al-Sijistānī al-Azdī (t.t), *op. cit.*, al-Tashdid fī Jabayah al-Jizyah, no. hadith 3045.

4.3.2 *al-‘ushūr*

Cukai *‘ushūr* ini dikenakan ke atas perniagaan yang dijalankan di dalam negara Islam. Cukai ini dikenakan sebanyak 10% terhadap barang dagangan yang dibawa masuk oleh orang kafir dari negara bukan Islam dan mereka diberi kemudahan untuk membawa masuk barang dagangan tersebut.⁴³ Orang yang mula-mula memperkenalkan cukai ini ialah ‘Umar al-Khattab r.a.⁴⁴ Para peniaga tidak kira muslim atau kafir dikenakan cukai ini pada kadar yang berbeza. Saidina Umar r.a. meletakkan kadar cukai 10% terhadap nilai perdagangan kafir *ḥarbi*, 5% ke atas kafir *dhimmi* dan 2.5% ke atas orang Islam.⁴⁵

Orang kafir yang memasuki negara Islam beberapa kali untuk berdagang dalam masa setahun, cukai *‘ushūr* hanya dikenakan sekali sahaja setahun dan ianya dikira terhadap jumlah tambahan nilai perdagangan itu sahaja.⁴⁶ Cukai ini boleh disamakan dengan cukai kastam yang dipungut sekarang ini. Kaedah eksport dan import yang ditunjukkan oleh Saidina ‘Umar r.a dalam cukai ini boleh disimpulkan sebagai:⁴⁷

- a. tindakan timbal balas mengikut pengenaaan cukai negara luar;
- b. Pengurangan kadar cukai ke atas barang keperluan termasuk menghapuskannya sekiranya keadaan memerlukannya menurut Imam Syafi‘e; dan

⁴³ Subḥi al-Saleh (Dr) (1978), *al-Nizām al-Islamiyyah Nash’atuhā wa Tatawwuruha*, Beirut: Dar al-‘Ilm li al Malayyan, m.s. 368.

⁴⁴ Abū Yūsuf Ya‘qūb b. Ibrāhīm (1352), *op. cit.*, m.s. 134..

⁴⁵ *Ibid.*, m.s. 135.

⁴⁶ *Ibid.*, m.s. 133.

⁴⁷ Ahmad ‘Abd al-Ḥadi Talkhan (1992), *op. cit.*, m.s. 66.

- c. Tidak boleh dikenakan cukai dua kali ke atas barangan yang sama.

Abū Yūsuf menyimpulkan bahawa *‘ushūr* yang diambil daripada orang muslim dikira sebagai sedekah manakala *‘ushūr* yang diambil daripada ahli *dhimmah* dan ahli-*ḥarbi* dianggap sebagai *al-kharāj*, begitu juga dengan *jizyah*.⁴⁸

⁴⁸ Abū Yūsuf Ya‘qūb b. Ibrāhīm (1352), *op. cit.*, m.s. 134.